

U. M. 19 OCT 1970

ALOR SETAR 18 Okt. —
Pengerusi Majlis Pelajaran
Tinggi Dr. Mahathir Mo-
hamad menyatakan berse-
tuju pada prinsipnya
dengan chadangan Pegu-
am Negara Tan Sri Kadir
untuk menubuhkan fakulti
undang2 di-Malaysia.

Bellau telah mengulas
chadangan yang di-buat
oleh Peguam Negara baru2
ini, yang juga menyatakan
ia lebih suka fakulti itu
di-adakan di-Universiti Ke-
bangsaan.

Doktor Mahathir berkata
penubohan fakulti undang2

di-negeri ini akan menye-
lamatkan banyak wang ba-
gi negeri ini.

Tapi sama ada fakulti
itu harus di-tubuhkan di-
Universiti Kebangsaan
atau Universiti Malaya per-
lu di-adakan pengkajian
yang lebih lanjut tentang
keperluan negara.

Bellau berkata, oleh ke-
rana Universiti Malaya se-
karang sedang beransor2
menggunakan Bahasa Ma-
laysia, tidak-lah menjadi
soal sama ada fakulti itu
di-tubuhkan di-Universiti
Malaya atau Universiti Ke-
bangsaan.